

08 MAY 2000
PROTON-WAJA/I
PROTON GEMPARKAN PARA PESAINGNYA DENGAN "WAJA"

SHAH ALAM, 8 Mei (Bernama) -- Dalam hanya setahun selepas mengejutkan para pesaing dengan kehandalan kejuruteraannya menerusi Perdana V6 dan Satria GTi, Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (PROTON) dijangka akan menggemparkan dunia automotif sekali lagi dengan model baru yang dinamakan "Proton Waja".

Dimajukan dengan peruntukan RM970 juta dan menggunakan 1.7 juta jam kakitangan kejuruteraan, Waja direkabentuk untuk bersaing dengan model-model kereta ternama seperti Audi A4, Opel Vectra, Honda Accord dan Peugeot 406.

Waja, kereta rekaan Malaysia pertama, muncul hasil cabaran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada April 1996 iaitu PROTON harus merekabentuk keretanya sendiri pada harga berpatutan.

Dengan nama untuk mencerminkan karektornya yang "kuat seperti besi waja", model baru itu mencerminkan kejayaan besar dalam perolehan teknologi kejuruteraan oleh pengeluar kereta nasional pertama itu selepas 15 tahun kewujudannya.

"Waja dua kali ganda lebih kukuh berbanding kereta Proton sekarang. Kemantapan badannya antara yang terbaik dalam kelasnya di dunia," kata Ketua Pegawai Eksekutif PROTON Tengku Datuk Paduka Mahaleel Tengku Ariff, baru-baru ini.

Rekaan struktur badan yang dihasilkan bersama Lotus, telah memenuhi Piawaian Ujian Pelanggaran Eropah 2003, katanya dalam satu taklimat mengenai pencapaian PROTON dalam industri automobil, termasuk memajukan keupayaan kejuruteraannya.

Tengku Mahaleel berkata badan Waja yang kukuh dilengkapi dengan dua beg udara hadapan bagi pemandu dan penumpang hadapan, dua beg udara sisi bagi penumpang belakang dan alang hentakan sisi yang diperkuatkan.

Dari segi enjin dan bunyi dalaman, Waja "lebih baik dari kereta-kereta petunjuk aras," katanya.

Waja diperkenalkan oleh Dr Mahathir di Stadium Malawati di sini malam tadi dalam acara sambutan kejayaan teknologi PROTON.

Jualan Waja dianggarkan pada tahap konservatif 40,000 hingga 50,000 unit setahun.

Mengenai harganya pula, Tengku Mahaleel memberi jaminan bahawa ia "berdaya saing dan mampu dibeli".

Tahap harga "amat berpatutan dan menarik" sehingga Mahaleel meramalkan ia mungkin akan mengurangkan jualan Proton Wira dan Perdana.

Harga sebenar belum ditetapkan kerana ia masih ditimbang kerajaan.

Tengku Mahaleel yakin kesemua pengeluaran Waja akan dapat dijual di pasaran domestik.

Kereta yang juga akan dieksport itu, telah menerima berbagai pertanyaan daripada para pengedar Proton di seberang laut, tambahnya.

Waja ditawarkan dengan pilihan enjin 1.6 dan 1.8 liter, samada manual atau automatik.

Tengku Mahaleel berkata Waja yang berorientasikan keluarga, akan menarik minat pembeli dari pasaran pertengahan ke atas.

Tempahan akan dibuka dari Ogos sementara penghantaran dijangka akan bermula bulan berikutnya. - BERNAMA

AD JR